

Keperluan Nilai dan Integriti Terhadap Para *Muhtasib* di Malaysia

Value of Values and Integrity Against Muhtasib in Malaysia

Muhammad Syahir Abu Bakar¹Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria²
Kamaruddin Salleh³

ABSTRAK

Dewasa ini, para penguat kuasa atau muhtasib di Malaysia dilihat masih kurang menerapkan nilai-nilai Islamik dan mengamalkan sikap integriti dalam segala aspek pengurusan dan pekerjaan yang berkaitan dengan institusi penguatkuasaan atau hisbah ini. Sekiranya para penguat kuasa gagal melaksanakannya, ia akan memberikan pelbagai implikasi dan reaksi yang negatif daripada pelbagai pihak serta menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, organisasi, agama dan negara apabila penguatkuasaan tidak dijalankan dengan sempurna. Berhubung hal demikian, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai kepentingan nilai dan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa di Malaysia dalam melaksanakan tuntutan al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar. Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan menggunakan metodologi analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa nilai dan integriti itu sememangnya sangat penting untuk dimiliki oleh para penguat kuasa agar menjamin pelaksanaan sesuatu tugas itu dengan sempurna. Justeru, nilai dan integriti itu bukan sahaja menjadi sebagai pemangkin dan motivasi kepada para penguat kuasa untuk menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh amanah, bahkan ia juga menggambarkan peribadi dan jati diri para penguat kuasa itu sendiri malah turut memberikan kesan yang signifikan dan positif terhadap masyarakat serta negara.

Kata Kunci: *muhtasib*, nilai, integriti, Malaysia.

ABSTRACT

Today, the enforcement or muhtasib in Malaysia is seen to be less applying Islamic values and practicing integrity in all aspects of management and occupation related to this enforcement institution or hisbah. If the enforcement failed to implement it, it will provide a various implications and negative reactions from various parties and affect the safety and prosperity of the community, organization, religion and country when enforcement is not carried out properly. Therefore, this study aimed to explain the importance of values and integrity among the Malaysian enforcer in implementing the demands of al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar. This is a qualitative study which involved literature review and use the content analysis methodology. The study found that values and integrity are very important for the enforcement authorities to ensure that the task is done perfectly. Thus, the value and integrity would not only be a catalyst and motivate enforcement to carry out the responsibilities given to the full trust, but it also describes the personal and the identity of the

¹ Muhammad Syahir Abu Bakar, Siswazah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, syaz1984@yahoo.com.my.

² Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, afaa@ukm.edu.my.

³ Kamaruddin Salleh, Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, dins@ukm.edu.my.

enforcement itself and also provides a significant and positive impact to society and the country.

Keywords: enforcer, *muhtasib*, values, integrity, Malaysia.

PENDAHULUAN

Institusi penguatkuasaan atau dikenali juga sebagai *hisbah* dalam perspektif Islam, merupakan satu agensi yang mana matlamatnya adalah untuk menegakkan konsep *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* serta dilaksanakan semata-mata kerana Allah SWT iaitu dengan menghapuskan segala kemungkaran dan menegakkan segala kebaikan demi mencapai kebahagiaan serta kejayaan di dunia dan akhirat (Mardzelah 2008: xi). Adapun *hisbah* itu merupakan tanggungjawab dan rukun yang paling besar dalam agama dan ia juga merupakan objektif yang paling penting dan utama untuk dilaksanakan dan ditunaikan terlebih dahulu daripada segala tujuan yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada sekalian manusia. Dengan itu, barulah segala hal ehwal urusan agama dan sosial itu terjamin dan berjalan lancar serta negara aman sentosa (Mohd Farid 2008: 12). peranan utama para *muhtasib* dalam institusi *hisbah* dalam sebuah negara adalah untuk menjamin pemeliharaan dan kesejahteraan rakyat serta hak individu malah berusaha agar semua manusia menjadi hamba yang patuh dan tidak mengingkari larangan Allah SWT. Para *muhtasib* juga bertanggungjawab menjalankan tugas masing-masing dalam memelihara dan memakmurkan kehidupan dunia di samping mengimbangi tugas sebagai pengurus dunia dan sebagai hamba Allah SWT. Kekuatan institusi *hisbah* lebih banyak ditentukan oleh ketokohan dan kepimpinan serta ketelusan daripada diri para *muhtasib* itu sendiri, seterusnya pula ia juga diperkuatkan lagi oleh pihak pemerintah dan kerajaan yang sentiasa memberi sokongan penuh terhadap mereka kerana ia merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang sangat berat dan penting bagi sesebuah negara yang inginkan keamanan dan keharmonian (Auni 2000: 118-120). Setiap manusia khususnya pegawai penguat kuasa dipertanggungjawabkan bagi diri mereka untuk mengerjakan dan menegakkan tuntutan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar*. Namun demikian, manusia dan pegawai penguat kuasa adalah makhluk yang lemah dan masih mempunyai kecenderungan untuk lalai serta lupa khususnya bagi mereka yang memegang kuasa kerana mereka cenderung untuk melakukan penyelewengan, pengkhianatan, korupsi, kezaliman, penindasan dan penyalahgunaan kuasa. Azrin (2014: 38-40) dan Mardzelah (2008: 65-76) telah mengutarakan keperluan sifat *muhasabah al-nafs* kepada para *muhtasib* iaitu dengan menghitung atau menilai setiap amalan atau perlakuan masing-masing sama ada zahir dan batin serta sama ada dalam bergerak mahupun diam agar mengelakkan daripada berlakunya segala kelalaian dan kesilapan semasa dalam menjalankan tugas. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap manusia khususnya pegawai penguat kuasa agar sentiasa menjaga nilai jati diri dan saling nasihati antara satu sama lain supaya menghindari diri mereka daripada terjebak dengan segala kemungkaran tersebut kerana sekiranya mereka gagal melakukannya, maka semua masyarakat akan menimpa bala akibat perbuatan buruk para pegawai penguat kuasa yang tidak amanah dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberikan. Untuk itu, kajian ini telah menjelaskan sejauh mana keperluan dan kepentingan pelaksanaan nilai dan integriti dalam kalangan penguat kuasa atau *muhtasib* di Malaysia iaitu yang dikatakan sebagai satu badan pencegah segala kejahatan dan menyuruh melakukan kebaikan demi membawa kesejahteraan terhadap individu, masyarakat, organisasi, agama, bangsa dan negara, serta mendapat keredaan dan kemampuan dari Allah SWT.

PENGERTIAN PENGUATKUASAAN MENURUT ISLAM

Secara etimologinya, dalam bahasa Arab dan menurut perspektif Islam, penguatkuasaan disebut sebagai *hisbah* dan penguat kuasa itu pula disebut sebagai *muhtasib*. Perkataan *hisbah* berasal daripada kata terbitan atau *masdar* daripada perkataan *ihtasaba* iaitu *ihtasaba*, *yahtasibu*, *ihtisaban* (Ibn Manzur 1981, 2: 866; °Umar (2008, 2: 489-491). Menurut Ibn Manzur (1981, 2: 866), perkataan *hisbah* bermaksud menuntut atau mendapatkan pahala dalam melaksanakan amalan kebaikan dan meninggalkan perkara yang ditegah dan bersegera dalam menuntut pahala dan mencapainya dengan berserah serta sabar melakukan pelbagai kebajikan serta melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh demi mendapatkan pahala. Menurut °Umar (2008, 2: 489-491), perkataan *hisbah* bermaksud pengawasan sesuatu perkara, mengawasi, memerhati, memastikannya dan berjaga-jaga iaitu melaksanakan tugas mengurus dalam negara Islam yang melibatkan segala urusan umum seperti mengawasi harga barang-barang, akhlak serta tingkah laku. Manakala dalam bahasa Melayu, menurut Kamus Dewan (2014: 836), penguatkuasaan itu berasal daripada perkataan kuat kuasa yang bermaksud perihal peraturan dan undang-undang, kuasa dalam memerintah atau menguruskan sesuatu, kekuatan dan kemampuan dalam melakukan sesuatu. Manakala penguatkuasaan pula ialah perihal, perbuatan, tindakan untuk menguatkuasakan sesuatu. Penguat kuasa pula bermaksud orang, badan atau lebih mudah disebut sebagai pegawai penguat kuasa yang menjalankan dan menguatkuasakan sesuatu undang-undang, peraturan atau dasar. Selain itu, perkataan lain yang boleh dikatakan sinonim dengan maksud penguatkuasaan ialah pengawasan dan pengawalan, namun istilah tersebut dilihat tidak digunakan secara rasmi dari aspek kuasa dan perundangan.

Adapun secara terminologi ataupun istilah pula, walaupun penguatkuasaan atau *hisbah* ini terdapat pelbagai pendapat, namun kesemuanya adalah lebih kurang sama sahaja. Menurut al-Mawardi (1989: 315-316), beliau mendefinisikan *hisbah* itu sebagai menggesa yang *ma'rif* apabila ternyata ia diabaikan oleh manusia dan melarang yang *munkar* apabila ternyata ia jarang dilakukan. Bagi melantik seorang *muhtasib* iaitu pegawai penguat kuasa atau pengawas *hisbah*, mestilah mereka mempunyai sifat atau ciri-ciri seperti adil, merdeka, bersikap tegas dalam agama dan mengetahui kemungkaran-kemungkaran yang zahir. Al-Ghazali (1982, 2: 312) pula mendefinisikan *hisbah* itu sebagai badan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menjalankan penguatkuasaan dalam sesebuah negara untuk menjayakan misi *al-Amr bi al-Ma'rif wa al-Nahy °an al-Munkar*. Al-Ghazali (1982, 2: 306) juga menerangkan bahawa peranan institusi *hisbah* adalah menjamin bagi perlaksanaan *al-Amr bi al-Ma'rif wa al-Nahy °an al-Munkar* yang merupakan puncak tertinggi dalam agama. Ia merupakan suatu perkara yang amat penting sekali dan kerananya juga Allah SWT telah mengutuskan para Nabi terdahulu bagi menjayakan misi tersebut. Seandainya tugas ini dilengahkan dan segala jentera *al-Amr bi al-Ma'rif wa al-Nahy °an al-Munkar* itu dilalaikan sama ada dalam ilmu pengetahuan mahupun amalan, maka sudah tentu kesesatan bermaharajalela dan kejahatan terus akan melanda ke atas seluruh manusia dan ketika itu juga negara akan menjadi rosak binasa manakala rakyatnya menjadi kacau bilau dan huru-hara. Oleh kerana itu, sewajarnya manusia itu memohon perlindungan daripada Allah SWT agar pekerjaan *al-Amr bi al-Ma'rif wa al-Nahy °an al-Munkar* ini tidak terlepas dari prinsipnya dan tidak dihentikan sama sekali sehingga hati manusia itu tiada dipengaruhi oleh kekeliruan atau tertutup hati itu daripada mengingati Allah SWT. Selain itu, ia penting dalam mengelakkan manusia itu sentiasa bersenang-lenang dan tenggelam dalam mengikut kemahuan hawa nafsu dan syahwatnya. Ibn Taymiyyah (2004: 90-127) menjelaskan bahawa *hisbah* adalah tugas melaksanakan *al-Amr bi al-Ma'rif wa al-Nahy °an al-Munkar* ini adalah suatu perintah daripada Allah SWT dan Rasul-Nya kepada umat Islam kerana umat Islam ini

adalah yang terbaik, paling bermanfaat dan paling agung kebajikannya daripada umat-umat sebelumnya kerana mereka agama Islam telah sempurna secara kualiti dan kuantitinya serta menyambut seruan untuk menghalalkan semua kebaikan dan mengharamkan semua kejahatan serta jihad *fi sabil Allah* secara menyeluruh. Adapun Ibn Khaldun (1961: 225), Ibn al-Fara' (2000: 284), al-Shayzari (1947: 6), Ibn al-Ukhuwwah (1937: 7) dan al-Shihawi (1962: 9) dilihat lebih kurang sama sahaja dalam mendefinisikan *hisbah* iaitu mereka bersetuju dalam mendefinisikan *hisbah* itu sebagai pelaksanaan atau tanggungjawab manusia dalam melakukan sesuatu kebaikan dan mencegah daripada sebarang kemungkaran.

Secara keseluruhannya, definisi *hisbah* itu boleh dirumuskan sebagai segala aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan serta amalan dalam menegakkan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* yang dilakukan oleh para penguat kuasa sama ada melibatkan pelbagai aspek seperti hal ehwal individu, masyarakat, organisasi, agama dan negara demi kebaikan dan keselamatan bersama.

NILAI-NILAI DALAM KALANGAN PEGAWAI PENGUAT KUASA DI MALAYSIA

Bagi menggalakkan penerapan nilai-nilai murni tersebut, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran (DPNI) yang telah diperkenalkan sejak tahun 1985 iaitu adalah untuk menerapkan dan mengaplikasikan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Nilai-nilai tersebut adalah seperti amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia dan bersyukur yang mana ia merupakan kunci kejayaan pentadbiran sesebuah negara (INTAN 1991: 3). Pada tahun 2003, kerajaan memperkenalkan pula pendekatan Islam Hadhari yang merupakan kesinambungan kepada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI). Kedua-duanya menjadi garis panduan ke arah pembentukan akhlak yang terpuji dalam kehidupan setiap rakyat Malaysia yang berlandaskan etika kerja Islam (Adlina 2011: 25). Oleh itu, adalah penting untuk mengamalkan nilai yang selari dengan tuntutan iman dan takwa kepada Allah SWT kerana ia akan membawa keberkatan dan kecemerlangan kepada masyarakat, organisasi dan negara. Pulangan dan ganjaran yang setimpal bukan sahaja diterima di dunia, malah di akhirat kelak. Sehubungan itu, antara nilai-nilai yang perlu diterapkan dalam diri seseorang penguat kuasa itu ialah:

a. Pengabdian Diri (*al-'Ubudiyyah*)

Manakala nilai pengabdian diri atau *al-'Ubudiyyah* perlu ada dalam dunia pengurusan dan pekerjaan kerana semua urusan hidup itu mestilah memenuhi konsep pengabdian diri yang mutlak kepada Allah SWT seperti melakukan kerja itu adalah satu ibadat kepada Allah SWT (Norain et al. 2012: 104). Al-Mawardi (1985: 114-115) menjelaskan bahawa pengabdian diri kepada Allah SWT adalah sesuatu yang diwajibkan ke atas semua umat Islam tidak kira rakyat atau pemimpin bagi mengelakkan seseorang itu daripada melakukan kemungkaran dan kemaksiatan serta melahirkan sifat ketaatan kepada Allah SWT dan sesama manusia dalam kehidupan seharian. Dengan itu, antara kesan positif daripada mengamalkan nilai *al-'Ubudiyyah* ini ialah mengabdikan diri kepada Allah SWT itu akan melahirkan penguat kuasa dan pekerja yang baik dan cemerlang serta sedar akan tanggungjawab masing-masing, malah ia melahirkan pelbagai sifat mahmudah apabila manusia itu sentiasa memelihara hubungannya dengan Allah SWT.

b. Pertanggungjawaban (*al-Mas'uliyah*)

Nilai pertanggungjawaban atau *al-Mas'uliyah* ini bermaksud perasaan bertanggungjawab terhadap kerja atau amanah yang diberikan daripada pihak atasan dan juga Allah SWT lalu mendorong manusia sentiasa berwaspada dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan (Norain et al. 2012: 128). Dalam sistem pengurusan dan pentadbiran Islam, *al-Mas'uliyah* itu perlu wujud pada diri, terhadap kepimpinan, pekerja dan organisasi yang dijalankan dengan penuh komitmen berlandaskan lunas-lunas syarak serta menepati objektif (Razaleigh 2010: 80). Nilai pertanggungjawaban atau akauntabiliti ini adalah begitu penting sekali dalam institusi penguatkuasaan kerana dapat melahirkan pelbagai sifat yang mulia dan mewujudkan kesedaran diri dalam kalangan para pegawai penguat kuasa bahawa setiap amanah dan tanggungjawab mereka itu bukan sahaja dinilai oleh pihak atasan unit penguat kuasa atau ketua bahagian, tetapi yang lebih utama ialah mereka juga akan dinilai oleh Allah SWT di akhirat kelak.

c. Ketaatan (*al-Ta'ah*)

Nilai ketaatan atau *al-Ta'ah* ini ialah menurut dan mematuhi segala arahan dan perintah pemimpin atau ketua sebagai lambang kepada kesatuan, keutuhan dan disiplin setiap anggotanya. Ketaatan merupakan salah satu ajaran yang ditekankan dalam Islam, namun ketaatan itu mestilah tidak kepada perkara yang melanggar syariat Allah SWT atau dosa. Islam menekankan aspek ketaatan untuk menjamin keharmonian dalam setiap aktiviti kehidupan masyarakat dan negara. Antara objektif mengamalkan nilai ketaatan ini ialah melahirkan ketaatan dan kepatuhan kepada ketua, melahirkan sikap tegur menegur dan nasihat-menasihati, melahirkan sikap hormat-menghormati dan melahirkan perpaduan atau kesatuan (Norain et al. 2012: 114-116). Al-Mawardi (1985: 155) juga mengatakan bahawa mentaati ketua atau orang atasannya itu terdapat tiga cara iaitu mematuhi dan mentaati segala perintah mereka, menyokongnya dan membela mereka, serta mencinta dan menyayangi mereka. Oleh itu, nilai ketaatan ini adalah sangat penting bagi melahirkan penguat kuasa yang berbudi luhur, telus dan amanah.

d. Keadilan (*al-'Adalah*)

Nilai keadilan atau *al-'Adalah* perlu ada dalam dunia pengurusan atau pekerjaan terutamanya dalam penguatkuasaan kerana tanpanya akan ada pihak yang merasakan dirinya teraniaya dan tertindas (Norain et al. 2012: 108). Ia dapat mencegah unsur-unsur negatif dalam kegiatan pengurusan atau pekerjaan. Perbuatan seperti rasuah, penipuan, pecah amanah dan sebagainya perlu dihapuskan kerana ia memudaratkan bukan sahaja manusia, tetapi juga kepada organisasi dan negara. Ia memberi peluang yang sama rata iaitu semua individu perlu mendapat dan diberikan hak yang sama dari segenap aspek (Rasid et al. 2008: 46-48). Menegakkan keadilan akan menciptakan kebaikan dan membina hubungan sesama individu dan masyarakat, manakala pelanggaran atau meninggalkannya akan mengakibatkan malapetaka dan berdosa serta satu kesalahan di sisi Allah SWT (al-Mawardi 1981: 188). Dengan itu, pengamalan terhadap nilai keadilan ini dapat menjamin seseorang penguat kuasa itu dalam melakukan tanggungjawabnya dengan sempurna.

e. Kualiti dan Ketekunan (*al-Itqan*)

Nilai kualiti dan ketekunan (*al-Itqan*) bermaksud melakukan kerja dengan penuh keazaman dan menganggap kerja itu adalah sebahagian daripada pengabdian diri kepada Allah SWT

serta menginsafi bahawa setiap tugas adalah amanah yang akan dipersoalkan kelak. Di samping itu, hendaklah bekerja demi kesejahteraan sejagat dan tidak hanya mementingkan diri sendiri kerana ia merupakan satu tuntutan agama. Para penguat kuasa itu juga dikatakan berkualiti apabila mereka memelihara sahsiah rupa diri dan mengamalkan nilai-nilai dan etika dalam pekerjaan serta kehidupan seharian. Ia adalah sepertimana yang dijelaskan oleh Norain et al. (2012: 133-141) dan Rasid et al. (2008: 93-104) mengenai nilai-nilai dan etika dalam pekerjaan. Bagi nilai-nilai dalam pekerjaan, antaranya ialah nilai peribadi asas iaitu seperti amanah, ikhlas, bertanggungjawab dan berdisiplin. Nilai kepimpinan seperti adil, tegas, berani dan bijaksana. Nilai profesionalisme seperti berilmu, kreativiti, inovasi, integriti, neutraliti dan akauntabiliti. Nilai kebersamaan seperti kerjasama, tolong-menolong, semangat berpasukan dan bersatu hati. Adapun mengenai etika kerja dalam Islam pula ialah dengan memupuk nilai integriti dan sikap positif antara anggota organisasi, membentuk budaya positif dalam kerja dan menggalakkan persaingan yang sihat, mengawal penyelewengan dan khianat dalam kerja dan menyumbang ke arah kemantapan sesebuah organisasi dan meningkatkan produktiviti yang lebih berkualiti.

f. Permesyuaratan (*al-Syura*)

Nilai permesyuaratan atau *al-Syura* itu bermaksud sebagai suatu proses perbincangan, perundingan atau permesyuaratan bagi mencapai permuafakatan dan persetujuan dalam membuat keputusan mengenai sesuatu polisi dan agenda tindakan. Antara kelebihan-kelebihan *al-Syura* ialah keputusan yang diambil lebih baik dan tepat berbanding individu, mengelak dari timbulnya kesilapan dalam membuat keputusan, menggalakkan budaya berfikir dalam membuat keputusan serta saling bekerjasama dan bermuafakat. Batasan bagi *al-Syura* ialah tidak seharusnya diadakan dalam membincangkan perkara-perkara yang telah dinaskan atau perkara-perkara yang jelas serta bertentangan dengan kehendak-kehendak nas syarak (Akademik Pengurusan YPEIM 2005: 96-100; Azman 2003: 57-58; Rasid et al. 2008: 43-45). Dengan itu, setiap para pegawai penguat kuasa perlu saling berbincang dan bermuafakat dalam sesuatu perkara atau masalah untuk melahirkan idea atau keputusan yang lebih baik dan sempurna serta jauh daripada kesilapan.

g. Nilai Persamaan (*al-Musawah*)

Persamaan di sini ialah mengenai kedudukan setiap pegawai penguat kuasa atau pekerja mengikut undang-undang atau peraturan iaitu pada taraf atau status dalam memperoleh hak-hak asasi mereka. Nilai persamaan di sini ialah pada hakikatnya semua manusia itu berasal dari satu keturunan yang sama, cuma berbeza dari aspek amalan, tanggungjawab dan ketakwaan sahaja. Para pentadbir atau pengurus, ketua dan surbodin, pegawai atau pekerja adalah sama di isisi peraturan atau undang-undang yang syarak, tanpa sebarang pengecualian atau keistimewaan. Manusia sama ada pekerja atau pengurus itu seharusnya diberi persamaan dari segi tanggungjawab terhadap undang-undang, hukuman, agihan dan penerimaan pelbagai kemudahan (Norain et al., 2012: 122-124; Rasid et al., 2008: 48-50). Atas sebab itu, perlu diingati juga bahawa para penguat kuasa juga sama seperti manusia yang lain dan tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan dosa, maka seharusnya setiap anggota dan sesama masyarakat menegur dan saling mengingatkan antara satu sama lain demi kebaikan bersama.

Berdasarkan kepada semua penjelasan ini, boleh dikatakan bahawa nilai-nilai itu sangat penting dan diperlukan sebagai pendinding dan penguat diri oleh para penguat kuasa atau *muhtasib* agar dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan sesuai dengan masa, tempat dan situasi. Sementara itu, jika diteliti, tanggungjawab para penguat kuasa atau

muhtasib itu bukannya mudah dan ringan kerana mereka perlu memenuhi segala kriteria dan syarat yang ditetapkan malah segala tindakan dan kerja dalam melakukan penguatkuasaan ini perlu mengikut tahap dan peringkat-peringkatnya serta peraturan atau undang-undang yang ditetapkan, bukannya bertindak dengan hawa nafsu atau mengikut perasaan. Dengan itu, kewujudan nilai-nilai yang baik dalam kalangan diri penguat kuasa atau *muhtasib* itu sememangnya tidak dapat dinafikan bahkan ia adalah sangat diperlukan agar mengelakkan diri para penguat kuasa itu daripada terjerumus ke dalam perbuatan yang merosakkan dan melampaui batas serta melanggar peraturan yang ditetapkan mahupun bercanggah dengan ajaran syariat dan hukum Allah SWT.

INTEGRITI DALAM KALANGAN PEGAWAI PENGUAT KUASA DI MALAYSIA

Integriti bermaksud kejujuran, keadaan sempurna dan keutuhan dan ketelusan (Kamus Dewan 2014: 582). Selain itu, integriti juga didefinisikan sebagai bertingklaku yang berkualiti mengikut prinsip-prinsip moral yang dipercayai atau diyakini, kualiti tingklaku yang merujuk kepada peraturan dan standard profession pekerjaan dan kualiti yang melengkapkan tanpa hilang apa bahagian pun (Mac Millan English Dictionary for Advanced Learners 2002: 736) Integriti juga difahami sebagai nilai-nilai amanah, kejujuran dan kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri (INTAN 1991: 54). Integriti juga merupakan kumpulan atau himpunan segala kualiti unggul yang terbit dari kalangan individu yang berteraskan kepada prinsip kejujuran dan amalan bermoral yang tinggi (Mazilan & Izal 2005: 3). Secara umum, integriti boleh disimpulkan sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten dalam setiap perkataan dan tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi. Nilai integriti adalah sangat penting dan wajib ada pada diri setiap para penguat kuasa kerana untuk memastikan para pegawai tersebut menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan ketelusan tanpa ada sebarang sikap berat sebelah, menyeleweng, khianat, rasuah, zalim dan sebagainya.

Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk merealisasikan hasrat wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur (Othman 2012: 8). Di Malaysia, untuk memastikan para penguat kuasa itu menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Biro Pengaduan Awam (BPA).

a. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen, di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] yang diwartakan pada 3 September 2009. Akta 700 kemudian dikuatkuasakan pada 1 April 2011. Akta ini menggantikan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis 2005. Penubuhan suruhanjaya ini adalah untuk menyemai dan meningkatkan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan justeru memperkukuhkan keyakinan orang ramai terhadap mereka. Fungsi utama suruhanjaya ini adalah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa

atau agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran berhubung dengan aduan yang diterima (Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2013: 3-12). Selain itu, di bawah Akta 700 ini, terdapat dua puluh satu Agensi Penguatkuasaan Persekutuan yang telah disenaraikan di bawah seliaan suruhanjaya ini iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan, Agensi Penguatkuasaan, Maritim Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan lain-lain (Undang-Undang Malaysia - Akta 700 - Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009: 37-38).

Sementara itu, terdapat lapan fungsi utama Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini sepertimana yang termaktub dalam Undang-Undang Malaysia - Akta 700 - Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Antaranya ialah pertama, menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan tersebut. Kedua, merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa. Ketiga, melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa. Keempat, mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan. Kelima, menggalakkan kesedaran, penambahbaikan dan pendidikan berhubung integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa. Keenam, membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa. Ketujuh, mengkaji dan mengesah apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya. Kelapan, membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu (Undang-Undang Malaysia - Akta 700 - Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009: 10-11).

b. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597. Akta tersebut telah diwartakan pada 9 September 1999. Visinya ialah memastikan masyarakat di mana Hak Asasi Manusia dihormati sepenuhnya, dilindungi dan dinikmati secara sama rata oleh semua. Fungsi SUHAKAM sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4(1) dalam Akta 597 ialah untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung hak asasi manusia, untuk menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan dan tatacara pentadbiran dan untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia (Undang-Undang Malaysia - Akta 597 - Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, t.th.: 5-6). Di bawah Seksyen 4(2) dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597, SUHAKAM juga diberikan kuasa untuk memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia dan untuk mengaku janji mengadakan penyelidikan dengan mengendalikan program, seminar dan bengkel dan untuk menyebarkan dan mengedarkan hasil penyelidikan itu, untuk menasihati kerajaan atau pihak berkuasa yang berkaitan mengenai aduan terhadap pihak berkuasa dan mengesyorkan kepada kerajaan atau pihak berkuasa itu langkah-langkah sesuai yang hendaklah diambil, untuk mengkaji dan mengesahkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia mengikut peruntukan Akta ini, untuk melawat tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang yang

berhubungan dengan tempat tahanan itu dan untuk membuat syor yang perlu, untuk mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi manusia apabila perlu serta untuk mengaku janji apa-apa aktiviti sesuai lain yang perlu mengikut undang-undang bertulis yang berkuat kuasa, jika ada, berhubungan dengan aktiviti itu (Undang-Undang Malaysia - Akta 597 - Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, t.th.: 6-8). Walaupun SUHAKAM diperuntukkan 'kuasa siasatan', tetapi kuasa sedemikian adalah tidak menyeluruh seperti kuasa penyiasatan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah Akta 700 (Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2013: 38).

c. Biro Pengaduan Awam (BPA)

Biro Pengaduan Awam (BPA) ditubuhkan pada tahun 1971 adalah untuk memberi kemudahan kepada rakyat untuk membuat aduan terhadap agensi kerajaan kerana tidak puas hati dengan sebarang salah tadbir atau salah laku dalam kalangan jentera pentadbiran awam. Antara objekif dan fungsinya ialah untuk menyelesaikan aduan dengan cekap, adil dan berkesan, meningkatkan kadar penyelesaian aduan yang diterima daripada orang awam, menyediakan dan meningkatkan kemudahan membuat aduan kepada orang awam, menyediakan dan meningkatkan kemudahan membuat aduan kepada orang awam dan lain-lain (Biro Pengaduan Awam t.th.). Sementara itu, terdapat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Terhadap BPA (JKPAT) iaitu jawatankuasa yang bertanggungjawab menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap aduan yang dibuat berkaitan kualiti perkhidmatan yang disampaikan oleh BPA dan tatalaku pegawai atau kakitangan BPA (Biro Pengaduan Awam t.th.). Sementara itu, untuk kemudahan orang awam, Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri telah memperkenalkan Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (i-SPAAA) secara online pada tahun 2009 bagi memudahkan orang awam membuat aduan dengan efisien dan pantas. Sebanyak 38 kementerian atau agensi kerajaan yang telah menggunakan aplikasi i-SPAAA kerana ia lebih pantas dan efisien.

Oleh itu, sebagai jentera penguat kuasa yang berintegriti, mereka akan melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan untuk kepentingan umum dan bukan menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri. Dengan itu, para penguat kuasa perlu telus serta harus memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Integriti selalunya dikaitkan dengan etika dan akhlak kerana integriti berkait rapat dengan pembentukan dan pengukuhan etika yang baik serta melaksanakan perkara yang betul. Nilai integriti dalam masyarakat akan menjadi semakin rapuh dan ia akan semakin terhakis sekiranya wujud pelbagai jenayah kolar putih, gejala sosial, rasuah, diskriminasi, penindasan dan penyalahgunaan kuasa yang tidak dibanteras secara efektif. Oleh yang demikian, kerajaan sedar betapa pentingnya menerapkan nilai-nilai integriti secara holistik dalam kalangan kakitangan awam negara terutamanya terhadap penguat kuasa bagi melahirkan generasi modal yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

KEPERLUAN BADAN-BADAN PENGUATKUASAAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, terdapat pelbagai badan penguatkuasaan bagi mencegah segala kemungkar dan menyuruh melakukan segala kebaikan demi menjaga kesejahteraan masyarakat, agama dan negara. Antara keperluannya adalah seperti:

a. Menjaga Kesucian Agama dan Akhlak Umat Islam

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan beberapa Badan Penguatkuasaan dalam hal ehwal yang berkaitan dengan akidah dan ibadat umat Islam iaitu seperti menubuhkan Bahagian Penguatkuasa dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang dibantu dan disokong juga oleh badan-badan organisasi Islam yang lain seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Majlis Dakwah Negara (MDN), Institut Islam Hadhari dan badan-badan Islam yang lain bagi memelihara serta menegakkan tuntutan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar* di samping menyebarkan dakwah *Islamiyyah*. Contoh kemungkaran yang biasa berlaku dalam aspek ini ialah seperti tidak menunaikan puasa di bulan Ramadhan dan juga solat Jumaat, perlakuannya mencurigakan seperti berdua-duaan lelaki dan perempuan, mengintai keaiban orang, mengunjungi pusat-pusat hiburan, terlibat ajaran sesat dan menyeleweng, menghina agama Islam dan umat Islam, memperlekeh rukun iman dan rukun Islam, malas dan tidak mahu beribadah terutama melaksanakan ibadah fardu ain.

b. Menjaga Keselamatan Masyarakat, Organisasi dan Negara

Antara institusi *hisbah* yang menggalas tanggungjawab dalam melindungi, menjaga dan memelihara keselamatan masyarakat serta negara itu ialah seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan beberapa penguat kuasa kerajaan tempatan yang lain. Polis Diraja Malaysia (PDRM) berfungsi untuk menjaga keselamatan masyarakat dan membanteras sebarang aktiviti jenayah seperti pembunuhan, rompakan, jenayah kolar putih, perjudian, penyalahgunaan dadah, penculikan, menjaga keselamatan awam dan negara serta lain-lain lagi. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pula berfungsi sebagai menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan salah laku, khianat, rasuah, pecah amanah, penyelewengan dan lain-lain (Malaysia Kita 2014: 491-492). Manakala bagi Jabatan Imigresen Malaysia pula, ia adalah berfungsi untuk mengeluarkan passport atau dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap, mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia, mengawal selia pergerakan keluar dan masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan (Azrin 2014: 58)

c. Mengawasi Perjalanan dalam Sektor Ekonomi

Peranan khusus yang dimaksudkan ialah peranan penguat kuasa yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi. Untuk itu, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada 11 Jun 2009 yang mana asalnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Dalam KPDNKK ini terdapat bahagian penguatkuasaan bagi bertujuan untuk menguatkuasakan undang-undang dan melindungi hak pengguna dalam transaksi jual beli dan perniagaan (Azrin 2014: 63-64). Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut mempermainkan peranannya dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan perniagaan dalam memastikan setiap premis dilesenkan, bersih dan tidak mengganggu orang awam. Sehubungan itu, Bahagian Penguatkuasa KPDNKK itu telah diperkasakan lagi dengan kerjasama dan penyertaan oleh Bahagian Penguatkuasa dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta juga Badan Penguatkuasaan dari Majlis

Pengawasan Syariah (MPS). Ia juga diperkasakan lagi oleh Halal JAKIM yang lebih efisien dalam membasmi dan memastikan segala barangan itu adalah halal dan merealisasikan konsep *Halalan Tayyiban*. Para penguat kuasa berperanan dalam memastikan barangan jualan itu halal dan melarang segala perniagaan atau penjualan yang haram, membanteras penipuan dan penyelewengan pada harga dan barangan atau timbangan dan sukatan, riba, memonopoli barangan dan menetapkan harga barang sesuka hati kerana ia merosakkan masyarakat dan negara (Azrin 2014: 63-64).

d. Memelihara dan Melindungi Alam Sekitar dan Haiwan

Penjagaan yang baik terhadap alam sekitar dan haiwan juga perlu diberi perhatian dan diutamakan. Mengenai alam sekitar, badan penguatkuasaan yang bertanggungjawab adalah seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Para penguat kuasa boleh mengambil tindakan seperti saman, hukuman denda dan sebagainya sekiranya terdapat mereka yang mencemarkan alam sekitar seperti menebang pokok secara berleluasa, mencemarkan air sungai dan laut, pembakaran hutan yang berleluasa, meruntuhkan tanah bukit-bukau atau gunung-ganang untuk tujuan pembinaan dan sebagainya. Manakala mengenai haiwan dan hidupan liar pula, antara bahagian penguatkuasaan yang bertanggungjawab ialah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Unit Jenayah Hidupan Liar dan Pasukan Penguatkuasaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Para penguat kuasa juga perlu memelihara haiwan terancam daripada kepupusan dan melindunginya daripada aktiviti penyeludupan dan makanan esotik. Para penguat kuasa juga menasihati bagi mereka yang memelihara haiwan peliharaan agar menjaga haiwan mereka dengan baik dan tidak mencederakannya serta memberi makanan yang secukupnya kepada haiwan mereka (Azrin 2014: 63-64).

e. Menjaga Kemudahan dan Harta Awam

Kemudahan-kemudahan dan harta-harta awam adalah disediakan oleh kerajaan untuk kepentingan dan kesenangan bersama. Kemudahan awam yang bersih, elok, dan selamat tentunya memberi keselesaan kepada orang ramai ketika menggunakannya. Mengenai pengawasan dan penyeliaan bagi kemudahan-kemudahan awam pula, antara pihak yang terlibat dan bertanggungjawab dalam hal ini ialah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan yang bawahnya ialah Jabatan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan segala yang berada dibawahnya seperti Majlis, Dewan atau Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Ia beroperasi di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663), Undang-Undang Kecil berkaitan Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Demi memastikan kemudahan-kemudahan awam ini kekal selamat dan tidak menyusahkan orang ramai, pihak penguat kuasa berkewajipan melindungi dan menjaga harta awam ini daripada anasir-anasir yang boleh merosak atau mencacatkan kemudahan awam tersebut terutamanya bagi golongan *vandalisme*. Sehubungan itu, penguat kuasa boleh mencegah setiap halangan yang dapat mengganggu kelancaran lalu lintas di jalan raya seperti melarang peniaga meletakkan barang-barang jualan di jalan yang sesak, peniaga yang menambah dan memanjangkan dinding kedainya sehingga melewati kawasan laluan awam, individu yang menambah dan memanjangkan anjung rumah atau menanam pokok di jalan yang sempit sehingga mengganggu orang ramai yang menggunakan jalan tersebut. Selain itu, penguat kuasa juga

berperanan memastikan kedudukan pasar selesa dan sesuai untuk kegiatan perniagaan.

f. Mengawasi Kesihatan Penduduk dan Kebersihan Persekitaran

Penjagaan kebersihan adalah tanggungjawab setiap insan dan ia juga adalah suruhan dalam agama. Apabila negara bersih rakyat pun juga akan sihat serta jauh daripada penyakit. Pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini ialah Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Penguat Kuasa Farmasi, Penguat Kuasa Kesihatan Awam, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan yang bawahnya ialah Kerajaan Tempatan yang bawahnya ialah Jabatan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dibawahnya seperti Majlis, Dewan atau Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Ia beroperasi berdasarkan beberapa akta iaitu seperti Mental Health Act 2001 (Akta 615), Private Healthcare Facilities And Services Act 1998 (Akta 586), Medicines (Advertisement and Sales) Act 1956 (Revised - 1983) (Akta 290), Poisons Act 1952 (Revised - 1989) (Akta 366), Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Akta 342), Telemedicine Act 1997 (564), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Makanan 1983 (Akta 281), Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1976 (Akta 154), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan lain-lain. Antara tugas penguat kuasa yang paling terkenal dalam kebersihan ini ialah mengawal kebersihan di premis-premis perniagaan untuk menjamin dan memastikan ia berada di tahap yang memuaskan dan terkawal. Misalnya, penguat kuasa bertanggungjawab mengawasi kebersihan makanan, bekas makanan, tempat makan dan para pekerjanya agar bebas daripada kekotoran. Seterusnya, mengenai kesihatan penduduk juga turut diawasi oleh para penguat kuasa. Menjadi tanggungjawab para penguat kuasa mengawasi kelayakan para doktor dan ahli farmasi, melakukan pemeriksaan terhadap ubat-ubatan yang dipasarkan, memastikan bahawa ahli farmasi yang bertugas mencampurkan ubat-ubatan atau makjun itu benar-benar berkelayakan dan mahir dalam tugasnya supaya tidak memudaratkan pesakit atau membawa maut. Selain itu, mengawal dan membasmi penyakit berjangkit, memberi maklumat kepada orang ramai mengenai kesihatan dan penyakit yang berjangkit, memberi maklumat mengenai budaya dan pemakanan yang sihat dan lain-lain lagi.

Merujuk kepada semua perkara yang telah dibincangkan ini, pihak kerajaan dan organisasi perlu mempergiatkan lagi usaha dalam menyelia para penguat kuasa atau *muhtasib* untuk meninjau prestasi serta etika peribadi mereka. Dengan itu, pihak kerajaan dan organisasi hendaklah bijak dalam melantik atau memilih ketua dan pegawai atasan pada setiap bahagian penguatkuasaan bagi melahirkan institusi *hisbah* yang telus dan amanah. Selain itu, akibat daripada longgarnya tatacara dan peraturan kerja atau kelemahan dalam sistem pelaksanaan kerja itu sendiri boleh menyebabkan sesebuah jabatan atau agensi itu sentiasa terdedah dengan pelbagai kesalahan seperti jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh para pegawai penguat kuasa. Untuk itu, segala pindaan atau perubahan peraturan perlu dikaji dan diteliti dengan bijaksana mengikut keperluan dan peredaran semasa. Pihak kerajaan juga perlu sentiasa komited dalam membuat dan menggubal dasar atau peraturan bagi memastikan ketelusan dan etika kerja itu diaplikasikan oleh para pegawai penguat kuasa bagi melahirkan para *muhtasib* yang berintegriti dan berakauntabiliti.

KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan yang telah diberikan, maka bolehlah dirumuskan bahawa institusi penguatkuasaan atau *hisbah* di Malaysia ini sememangnya banyak memberikan sumbangannya kepada manusia khususnya dalam menjaga dan melindungi hak-hak manusia, agama, bangsa dan negara. Namun, penerapan nilai dan integriti dalam kalangan penguat kuasa itu masih di tahap sederhana dan masih boleh dipertikaikan oleh masyarakat mengenai ketelusannya. Sekiranya semua penguat kuasa menolak dan mengikis nilai-nilai dan integriti dalam kehidupan mereka, maka nafsu kesyaitanan yang akan menguasai diri mereka lalu membinasakan agama, bangsa dan negara. Oleh yang demikian, perlulah setiap anggota penguat kuasa itu bermuhasabah diri dan menyedari akan tanggungjawab *hisbah* yang diberikan ke atas mereka kerana ia juga adalah satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh manusia terhadap Allah SWT lalu dilaksanakan ke atas sekalian manusia demi keselamatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan juga di akhirat kelak.

RUJUKAN

- Adlina Ab. Halim. 2011. Pendekatan Islam Hadhari dan Persepsi Belia: Satu Dapatan Kajian. *Jurnal Hadhari* 3 (1): 21-40. UKM Bangi: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Institut Islam Hadhari UKM.
- Akademi Pengurusan YAPEIM. 2005. *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YAPEIM.
- Auni Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Azman Che Omar. 2003. *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrin Ibrahim. 2014. *Amalan Hisbah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Biro Pengaduan Awam. t.th. <http://www.pcb.gov.my.html> [8 Mei 2016].
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1982. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 2. Bayrut, Lubnan: Dar al-Ma'arif.
- Ibn al-Fara', Muhammad bin Muhammad Abi Yala bin al-Husayn bin Muhammad Abu al-Husayn. 2000. *Ahkam al-Sultaniyyah*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, Abū Zayd 'Abd al-Rahmān Ibn Muḥammad al-Ḥadrami. 2006. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Terj. DBP. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad ibn Mukarram al-Ansari. 1981. *Lisan al-'Arab*. Jil. 1-6. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn al-Ukhuwwah, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad bin Abi Zayd. 1937. *Ma'alim al-Qurbah fi Ahkam al-Hisbah*. Cambridge: Matba'at Dar al-Funun.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Abū al-'Abbās Aḥmad ibn 'Abd al-Salām ibn 'Abdullāh ibn Muḥammad. 2004. *Tugas Negara Menurut Islam*. Terj. Arif Maftuhin Dzofir. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- INTAN. 1991. *Nilai Dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Kamus Dewan. 2014. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mac Millan English Dictionary for Advanced Learners. 2002. Oxford: Mac Millan Education.
- Malaysia Kita. 2014. Selangor: International Law Book Services (ILBS).

- al-Mawardi, Abu al-Hasan °Ali ibn Muhammad ibn Habib al-Basri. 1981. *Tashil al-Nazar wa Ta°jil al-Zafar fi Akhlaq al-Muluk*. Bayrut: Dar al-Nahdah al- °Arbiyyah
- al-Mawardi, Abu al-Hasan °Ali ibn Muhammad ibn Habib al-Basri. 1985. *Adab al-Dunya wa al-Din*. Bayrut: Dar Iqra'.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan °Ali Ibn Muhammad Ibn Habib al-Basri. 1989. *Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Kuwayt: Maktabah Dar Ibn al-Qutaybah.
- Mardzelah Makhsin. 2008. *Hisbah Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mazilan Musa & Izal Arif Zaharudin. 2005. *Etika dan Integriti di Malaysia Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia (IIM).
- Mohd Farid Mohd Sharif. 2008. Commanding and forbidding the imam: a study of the concept of al-amr bi al-ma°ruf and al-Nahy °an al-munkar in Islamic imamship. *Jurnal Syariah*. 16: 1-16. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norain Ishak, Noormala Rabu, Mohd Fauzi, Kalthom Mohd. Khalid, Mohd. Faizal P. Rameli & Husnul Rita. 2012. *Teras dan Amalan Pengurusan Islam*. UiTM Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).
- Othman Mustapha. 2012. Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam: Pendekatan Melalui Program Nilai-Nilai Murni. *Jurnal Pengurusan Awam*. 9(2): 7-16. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & S. Salahudin Suyurno. 2008. *Pengurusan Islam Teori dan Praktis*. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2010. *Kepimpinan dan Pengurusan Islam: Sejarah, Teori dan Perlaksanaan*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- al-Shayzari, °Abd al-Rahman bin Nasr. 1947. *Kitab al-Nihayat al-Rutbah fi Talab al-Hisbah*. Qaherah: Matba°ah li Jannah al-Ta°lif wa al-Tarjamah wa al-Nashar.
- al-Shihawi, Ibrahim Dasuqi. 1962. *al-Hisbah fi al-Islam*. Qaherah: Maktabah Dar al-Urubah.
- Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. 2013. *Laporan Tahunan 2013*. Putrajaya: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.
- °Umar, Ahmad Mukhtar. 2008. *al-Mu°jam al-Lughah al-°Arabiyyah al-Mu°asirah*. Jil. 1-4. al-Qahirah: °Alam al-Kutub.
- Undang-Undang Malaysia - Akta 597 - Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. http://www.suhakam.org.my/wp-content/uploads/2013/11/Akta-597-Akta-Suruhanjaya-Hak-Asasi-Manusia-Malaysia-1999_kemaskini-sehingga-1-Dis-2011.pdf. [8 Mei 2016].
- Undang-Undang Malaysia - Akta 700 - Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. <http://www.eaic.gov.my/perundangan/akta-700>. [8 Mei 2016].